



23 MAR, 2023

## 'Pemain THT berbakat besar'

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2



PEMAIN THT ceria selepas menjulang trofi Piala TNB baru-baru ini. FOTO Ghazali Kori

## 'Pemain THT berbakat besar'

**Kuala Terengganu:** Kejayaan merangkul tiga trofi kejuaraan dalam saingan Liga Hoki Malaysia (LHM) musim ini membuktikan Pasukan Hoki Terengganu (THT) mempunyai kualiti dan kekuatan tersendiri.

Malah, skuad bimbingan jurulatih Korea Selatan, Seo Jongho itu dilihat mempunyai ramai pemain berbakat yang boleh dikedepikan ke peringkat lebih tinggi termasuk membarisi skuad kebangsaan.

Perkara itu diakui Pre-

siden Persatuan Hoki Kuala Lumpur (PHKL), I Vikneswaran yang melihat skuad *The Turtles* itu mempunyai ramai pemain berkualiti yang boleh diserapkan dalam skuad kebangsaan.

Pengurus pasukan hoki negara ke Sukan Sea Kemboja, Mei depan dan jawatankuasa kejurulatihan Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) itu berkata, beberapa pemain boleh diberi peluang untuk menyarung jersi skuad kebangsaan se-

lain empat tonggak skuad Piala Dunia 2023.

Beliau yang juga bekas ketua jurulatih THT dan membantu pasukan itu menjulang trofi Piala Sumbangsih dan Piala TNB pada 2019 menjelaskan, kapten pasukan THT, Mohd Fitri Saari yang pernah menyarung jersi skuad kebangsaan sebelum ini boleh diberi peluang untuk menabur bakti bagi memperkuatkan lagi jentera tengah skuad *Malaysian Tigers*.